

**REALITI CABARAN PENDAKWAH TERHADAP ORANG KELAINAN
UPAYA PENGLIHATAN**

Mohamad Adib Mohamad Salih¹, Intan Farhana Saparuddin², Zulkefli Aini³

Pendakwah merupakan golongan yang seringkali dikaitkan sebagai orang yang menyampaikan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam kepada masyarakat. Golongan pendakwah adalah mereka yang memiliki kualiti peribadi yang unggul, kualiti keilmuan. Sebagai seorang pendakwah, mereka perlu mempersiapkan diri dengan menguasai sejumlah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan mesej dakwah dan mengetahui situasi sasaran dakwah. Sasaran dakwah seperti golongan orang muda, orang tua, orang asli, muallaf, remaja yang rosak akhlak dan orang bukan Islam adalah golongan yang wajib didakwahkan. Golongan di atas memerlukan pendekatan yang berbeza dalam memahami agama Islam. Maka kaedah dan strategi yang betul dan berkesan adalah amat penting semasa berdakwah. Walaubagaimanapun, hasil penilitian mendapati pendakwah jarang melibatkan diri dengan aktiviti dakwah kepada golongan oku kerana kesukaran mereka menerima mesej dakwah, hanya segelintir yang ingin melibatkan diri untuk berdakwah kepada oku. Ini kerana golongan oku adalah golongan yang wajib didakwahkan kerana mereka juga tergolong dalam orang dipertanggungjawabkan hal-hal agama dalam kehidupan mereka sepetimana orang yang normal. OKU juga terdiri dari pelbagai kategori yang memerlukan pendekatan yang berbeza semasa berdakwah. Bukan hanya *sapu rata* kaedah yang digunakan kepada mereka, dan sudah pasti ianya berbeza. Oleh itu, oku seperti cacat penglihatan, pendengaran, cacat fizikal, kekurangan bertutur dan berfikir sangat memerlukan satu kaedah atau modul yang berkesan untuk menerima ilmu-ilmu agama dengan pendekatan yang lebih inovasi dan kreatif. Dalam kajian ini, penyelidik akan memfokuskan pendekatan metodologi dakwah kepada oku penglihatan. Kajian ini mengumpulkan permasalahan yang berkaitan metodologi dakwah supaya ia lebih menjurus kepada permasalah kajian. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan, bahan-bahan yang diperolehi akan dianalisis dan diteliti supaya kajian yang dijalankan adalah satu keperluan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oku penglihatan.

Katakunci : Metodologi Dakwah, Oku, Strategi, Modul.

PENDAHULUAN

Orang Kelainan Upaya dari kalangan umat Islam

Antara isu utama yang melibatkan Orang kelainan Upaya (OKU) dari kalangan umat Islam adalah isu agama dan dakwah. Isu berkaitan OKU jarang diperkatakan dalam dunia dakwah khususnya di Malaysia. Ini mengakibatkan ramai dalam kalangan mereka yang jahil tentang hukum-hakam asas agama kerana kekurangan pusat pendidikan kefahaman Islam untuk OKU. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia iaitu Zakaria Yahya (2012) kepada Berita Harian, beliau menegaskan bahawa wujud laporan daripada beberapa individu mengenai dakyah agama lain terhadap golongan OKU yang beragama Islam.

Beliau menambah kebimbangan tentang isu dakwah OKU iaitu pusat keagamaan bukan Islam untuk OKU dari kalangan mereka yang memerlukan pendidikan khas seperti ADHD, Cerebral Palsy, dan autism banyak menempatkan OKU Islam kerana kekurangan pusat seumpamanya milik orang Islam sendiri disebabkan faktor ekonomi dankekangan kewangan. Walaupun ada usaha murni yang dilaksanakan oleh institusi agama, namun ianya tidak mencukupi berbanding agama lain yang lebih serius dalam hal ini yang dibuktikan dengan statistik iaitu lebih 170 pusat kebajikan OKU milik institusi agama bukan Islam yang wujud di Malaysia (Berita Harian, 2012).

Petikan dari akhbar Sinar Harian bertarikh 8 Mei 2016, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM telah menganjurkan seminar “*Simposium Khidmat Ummah*” yang bertajuk “OKU terus terasing dalam fahami Islam”. Seminar yang melibatkan badan-badan NGO yang mewakili persatuan OKU telah menyatakan bahawa golongan OKU terus terasing dalam kalangan masyarakat Islam serta memahami Islam. Kebanyakan dari mereka mengabaikan keperluan rohani dan jasmani yang amat diperlukan oleh golongan tersebut. Dalam konteks memahami Islam, banyak pihak menuding jari kepada Institusi keagamaan yang tidak cakna akan keperluan OKU. Oleh itu, Institusi agama perlu mengambil berat dengan memberikan pendidikan agama bahkan masyarakat dan badan-badan NGO juga perlu memainkan peranan penting untuk membantu golongan OKU agar tidak terabai dari menerima dakwah Islam.

OKU SEBAGAI GOLONGAN YANG WAJIB DIBERI PENDIDIKAN AGAMA

Golongan OKU adalah golongan yang termasuk dalam kategori *mukallaf*, iaitu yang dipertanggungjawabkan dengan hukum-hakam agama. Mereka merupakan sebahagian daripada masyarakat yang memerlukan pendidikan khususnya pendidikan agama. Golongan ini mempunyai kesamarataan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti golongan normal (Siti Farhana & Tengku Intan Zarina, 2016). Namun begitu, menurut Siti Hajar, Noralina, Abd Hadi dan Haris (2012) penyisihan terhadap golongan OKU berlaku dari aspek sosial, ekonomi, fasiliti dan pendidikan. Kesan daripada penyisihan tersebut, ada dalam kalangan OKU yang menghadapi masalah seperti psikologi dan psikososial (Didi Tarsidi, 2008). Oleh sebab itu, para pendakwah perlu melihat perkara ini dengan lebih mendalam terhadap perkara yang berlaku dalam kalangan OKU.

Dakwah tidak hanya merujuk kepada golongan tertentu sahaja. Bahkan maksud dakwah itu perlu difahami dalam konteks yang lebih luas. Dalam konteks dakwah kepada OKU, pendakwah perlu melihat kepada pendekatan dakwah yang lebih sesuai dilaksanakan kepada mereka. Ab. Aziz (2009) yang menyatakan bahawa pelaksanaan dakwah terhadap OKU di Malaysia masih menunjukkan kelemahan samada di peringkat sekolah ataupun di peringkat NGO. Walaupun penerimaan OKU terhadap pelaksanaan dakwah dianggap memuaskan. Namun, kelemahan yang ada adalah dari sudut pendakwah di mana ianya masih lemah dan memerlukan penambahbaikan untuk disesuaikan dengan keperluan agar mencapai matlamat dakwah.

Oleh yang demikian, dalam melaksanakan dakwah kepada OKU supaya mereka menghayati dan mengamalkan kehidupan yang lebih baik berpandukan panduan dan syariat Islam. Golongan ini memerlukan satu bentuk pendekatan sokongan yang berfungsi bagi membantu metodologi para pendakwah untuk mengatasi ketidakfahaman dan kekeliruan dalam agama. Pernyataan ini bersesuaian dengan pendapat yang diberikan oleh Siti Farhana dan Tengku Intan Zarina (2016) iaitu penambahbaikan modul pendidikan agama sangat diperlukan dan juga penilaian dari segi penghayatan dan amalan perlu dilaksanakan. Manakala menurut Ab. Aziz (2009) tiada metode dan modul khusus yang digunakan dalam proses pelaksanaan dakwah. Oleh itu, pembangunan modul perlu diperkemas dan dipelbagaikan supaya

dapat membantu para pendakwah mengenal pasti metodologi dakwah yang sesuai digunakan mengikut keperluan dan kemampuan mereka

KONSEP ORANG KELAINAN UPAYA PENGLIHATAN

Allah s.w.t. menerangkan di dalam al-Quran tentang kewajipan berdakwah kepada manusia lain supaya mereka beriman dan mengesakan Allah s.w.t. Pelbagai kaedah yang telah diajar oleh Allah s.w.t. kepada Nabi s.a.w. tentang kaedah dan teknik berdakwah kepada ummatnya. Bahkan ummat Nabi s.a.w. bukan hanya terdiri daripaa golongan normal semata-mata tetapi seluruh ummat manusia termasuk juga golongan kelainan upaya. Orang kelainan upaya (OKU) terdiri dari pelbagai kelompok kelainan upaya, antaranya adalah cacat penglihatan.

Cacat penglihatan atau boleh dipanggil sebagai orang buta adalah satu kelompok manusia yang kehilangan upaya untuk melihat sama ada sejak dilahirkan maupun ketika dalam proses pembesaran disebabkan berlakunya kemalangan sehingga menyebabkan kehilangan upaya penglihatan kedua-dua mata. Selain itu, kategori kelaunan upaya penglihatan juga menurut Arzu Gurdal (2012) kelainan upaya mata adalah situasi seseorang tidak dapat melihat dengan jelas atau sangat rendah tahap penglihatan dengan hanya 10% keupayaan untuk melihat dengan jelas disebabkan oleh kerosakan mata dalam sistem saraf. Ini menyebabkan mereka menghadapi pelbagai masalah di dalam kehidupan mereka.

Golongan kelainan upaya penglihatan adalah termasuk dalam kategori *mukallaf*. Mukallaf adalah manusia yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perintah dan larangan Allah s.w.t. dalam kehidupan seperti manusia lain. Oleh itu, mereka juga tidak terlepas untuk memahami agama dan Islam melalui proses dakwah yang dijalankan oleh mana-mana individu untuk memberikan kefahaman dan pengetahuan tentang agama kepada mereka. Namun seperti yang dinyatakan oleh akhbar di atas bahawa golongan kelainan upaya penglihatan muallaf juga antara yang menjadi diskriminasi oleh pihak-pihak tertentu dari mendapatkan pengetahuan agama.

ISU DAN CABARAN PENDAKWAH TERHADAP OKU PENGLIHATAN

Kekurangan Bahan Rujukan Dalam Bidang Al-Quran Dalam Braille

Pendidikan al-Quran tidak dapat dinafikan lagi kepentingan dan peranannya dalam membangunkan ummah. Justeru pendidikan al-Quran perlu diberikan perhatian yang sewajarnya di pelbagai peringkat dan kategori. OKU penglihatan tidak terlepas dari mendapatkan pendidikan al-Quran dengan baik agar mereka juga tidak ketinggalan dalam memahami isi kandungan al-Quran, sekaligus dapat berdakwah kepada mereka. Menurut Hajarul Bahti, Mohd Huzairi, Bani Hidayat dan Nor Hayati Fatmi, (2015) menegaskan dalam kajiannya bahawa pendidikan al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan kurang memberangsangkan. Ianya hanya lebih memfokuskan kepada sesuatu tempat sahaja manakala pendidikan al-Quran kurang ditekankan di tempat-tempat lain seperti di negeri Johor. Selain itu, penguasaan terhadap kaedah bacaan dengan betul seperti membaca al-Quran dengan bertajwid dan lancar masih belum menunjukkan pencapaian yang memuaskan lagi. pelaksanaan dakwah melalui kaedah pendidikan al-Quran dalam kalangan Oku perlu ditingkatkan lagi sebagaimana pencapaian dalam pelbagai bidang al-Quran dalam kalangan normal. Ini sudah pasti usaha dan strategi yang betul serta kerjasama dari pelbagai pihak amat diperlukan bagi mencapai tahap yang memuaskan iaitu OKU penglihatan mampu menguasai bidang al-Quran dengan baik khususnya di Malaysia. Oleh sebab itu, bahan-bahan rujukan dalam bentuk braille dan audio perlu diperbanyakkan dan dikembangkan oleh pelbagai individu untuk membantu OKU penglihatan.

Kekurangan Pendakwah Dapat Menyentuh Hati OKU Penglihatan


OKU penglihatan adalah golongan yang tidak mampu melihat dengan menggunakan panca indera, mereka lebih banyak menggunakan deria pendengaran untuk mendengar sesuatu perkara. Kekurangan yang dialaminya menyebabkan sebilangan mereka lebih cenderung untuk memendam perasaan kerana khuatir akan dipersalahkan oleh orang lain. Tunde ayinmode dan popoola (2011) dalam Syh Noorul Madiyah et. al, (2014) menjelaskan dalam kajiannya bahawa kebolehupayaan orang kelainan upaya penglihatan terikat terhadap domain yang menguasai diri atas

CONFERENCE INTERNATIONAL INSAN 2017

faktor luaran dan dalaman individu tersebut bagi menyesuaikan diri dalam persekitaran dan sosial.

Tunde ayinmode dan popoala menyenaraikan empat domain utama yang mempengaruhi kualiti seseorang OKU penglihatan, iaitu; psikologi, kehidupan perkahwinan, kekeluargaan dan pekerjaan. Selain itu, faktor lain yang menyebabkan individu OKU penglihatan menghadapi emosi yang tidak gembira adalah disebabkan faktor tidak dapat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan. Kebergantungan terhadap orang lain menyebabkan mereka tidak yakin untuk melaksanakan tugas sebagai ahli keluarga kerana kekurangan yang dialaminya. Dalam hal ini, pendekatan dan kesedaran dalam hal ehwal agama sangat penting bagi membantu OKU penglihatan untuk menerima akan kekurangan yang dianugerahkan kepada mereka.

Pendakwah-pendakwah perlu bijak dalam melaksanakan dakwah kepada mereka supaya mereka dapat memahami kepentingan agama dalam hidup mereka. Allah menjelaskan di dalam surah an-Nahl ayat 125 tentang kaedah dan teknik mendekati golongan sasaran dengan betul dan berkesan. Firman Allah s.w.t. :



Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Allah s.w.t. telah menjelaskan di dalam al-Quran tentang pendekatan berdakwah kepada manusia dengan cara berhikmah, memberikan peringatan dan melaksanakan perbincangan dengan cara yang baik dan tidak menyakiti manusia lain. Konsep yang dinyatakan di dalam ayat ini bersesuaian dengan metodologi yang digunakan terhadap OKU penglihatan iaitu penggunaan gaya komunikasi, penggunaan ayat yang baik dan bermotivasi dan sebagainya. Ini akan memberi kesan yang baik dalam jiwa individu tersebut dalam menerima dakwah yang disampaikan.

Tiada Modul Khusus Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan kepada pemerhatian terhadap buku Modul Sakinah (2012) yang dilaksanakan di Johor kepada setiap lapisan masyarakat, tidak terdapat satu topik khusus yang ditujukan kepada golongan OKU samada penglihatan, pendengaran, mental dan fizikal. Perbezaan mereka dalam mengamalkan ibadah sebagai contoh OKU fizikal tidak ada lagi dibincangkan di dalam modul tersebut. Oleh sebab itu, kekurangan bahan pengajaran yang boleh digunakan kepada semua kategori OKU selain dapat memberikan mereka motivasi dan meningkatkan tahap kepercayaan terhadap diri mereka perlu dikaji dan diperbanyakkan lagi.

CADANGAN

Berdasarkan perbincangan tentang cabaran pendakwah terhadap OKU penglihatan di Johor, beberapa cadangan diutarakan bagi meningkatkan tahap kualiti pendakwah dalam melaksanakan dakwah dengan berkesan kepada OKU penglihatan khususnya dalam meningkatkan pemahaman agama dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kalangan mereka:

1. Memperbanyakkan pendakwah-pendakwah dalam kalangan mahasiswa yang mempunyai kemahiran untuk mengajar dengan menggunakan al-Quran Braille terhadap OKU penglihatan.
2. Memperbanyakkan rujukan-rujukan dalam bidang al-Quran yang berbentuk tulisan Braille supaya menjadi rujukan kepada OKU penglihatan.
3. Pihak berwajib perlu melihat faktor pemahaman agama dan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kalangan OKU penglihatan dengan memberi pendedahan terhadap tauhid, fiqh, akhlak serta pembelajaran al-Quran kepada mereka.
4. Mewujudkan teknik dan metodologi pendakwahan dalam kalangan pendakwah normal maupun OKU penglihatan itu sendiri tentang pendekatan dan teknik yang betul dalam melaksanakan dakwah kepada golongan kelainan upaya penglihatan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dakwah terhadap OKU penglihatan memang memerlukan perhatian yang lebih oleh semua pihak terutamanya golongan ilmuwan dan agamawan. Perbezaan dalam teknik penyampaian dakwah perlu dititikberatkan dalam meningkatkan kefahaman agama dan mengamalkan nilai-nilai Islam supaya dapat meningkatkan ketaqwaan sebagai hamba Allah s.w.t.. Keyakinan terhadap takdir Tuhan dalam menciptakan manusia yang berbeza perlu sentiasa diterapkan supaya mereka dapat menerima seadanya akan kekurangan dirinya. Namun tanggungjawab ebagai hamba Allah s.w.t. tidak pernah diabaikan. Oleh itu, pendekatan yang betul, teknik yang berkesan, serta strategi pelaksanaan yang cekap amat perlu diwujudkan kerana sehingga kini tahap perkembangan dakwah kepada Oku penglihatan masih lagi kurang memberangsangkan. Namun tidak dinafikan ada segilintir pihak yang sentiasa ingin memartabatkan golongan ini oleh pihak tertentu. Semoga kertas kerja ini mampu membuka mata semua pihak dalam usaha memartabatkan dakwah selain menumpukan kepada pendekatan yang terbaik untuk dilaksanakan kepada golongan ini di Malaysia dan Johor khasnya.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Ab. Aziz, M. Z. (2009). *Metodologi Dakwah Terhadap Orang Kurang Upaya* (1st ed.). Penerbit Universiti Malaya.

Hajarul Bahti, Z., Mohd Huzairi, A., Bani Hidayat, M. S., & Nor Hayati Fatmi, T. (2015). Perkembangan Dakwah Terhadap Golongan Bermasalah Penglihatan : Sorotan Dari Perspektif Sejarah Pendidikan Al-Quran (pp. 1–9). <http://doi.org/10.13140/RG.2.1.5146.8968>

Siti Farhana, S., & Tengku Intan Zarina, T. P. (2016). Pendidikan Adab Islam : Cabaran Di Kalangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*

CONFERENCE INTERNATIONAL INSAN 2017

(GBSE), 2(3), 108–118.

Siti Hajar, A. B., Noralina, O., Abd Hadi, Z., & Haris, A. W. (2012). Intervensi Sosial Untuk Komuniti Tersisih : Ke Arah Pembangunan Ummah (Social Intervention For Marginalized Community: Towards The Development Of Ummah). *Jurnal Hadhari*, 4(2), 29–44.

Syh Noorul Madihah, S. H., Tengku Fatimah Muliana, T. M., Siti Fatimah, S., Azlina, A., & Siti Hajar, A. R. (2014). Komunikasi Anak-Anak Terhadap Ibu Bapa di Taman Rahmat, Terengganu : Analisis Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 57–74.